

08/12/1997

Rakyat perlu yakin Sabah maju

KOTA KINABALU, Ahad - Rakyat perlu membebaskan pemikiran bahawa Sabah masih mundur dan ketinggalan daripada arus kemajuan, sebaliknya yakin negeri ini mampu membangun dengan pesat tanpa halangan.

Menteri Perhubungan dan Kerja Raya, Datuk Yahya Hussin, berkata sikap yakin terhadap kemampuan diri sendiri menjadi faktor penting dalam usaha mempercepatkan pembangunan di negeri ini.

Katanya, sudah tiba masanya bagi rakyat untuk meninggalkan segala isu yang remeh-temeh dengan memandang masa hadapan secara optimis, serta menggembleng seluruh tenaga dan pemikiran bagi mewujudkan persefahaman yang jitu dalam usaha pembangunan.

"Jika pembangunan tidak dapat dijalankan, masalah utama yang berlaku sebenarnya ialah sikap diri kita sendiri dan bukannya orang lain."

"Ini kerana jika kita kurang yakin terhadap kemampuan diri sendiri, maka tidak akan berjaya, sebaliknya jika kita yakin dan berjaya keluar dari bayang-bayang sendiri, pasti akan berjaya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di kempen Malaysia Boleh, Sabah Boleh Peringkat Daerah Penampang di Donggongan dekat sini, semalam. Kempen itu dilancarkan Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee.

Yahya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Petagas, berkata sikap yakin kepada diri sendiri sudah dibuktikan melalui sokongan seluruh rakyat negara ini terhadap kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam menangani krisis matawang sekarang.

Beliau berkata, hasil sokongan itu menyebabkan kerajaan sehingga kini tidak perlu meminta bantuan Institut Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk mengatasi masalah itu, berbanding beberapa negara lain.

"Ini jelas menunjukkan sikap yakin terhadap kemampuan diri sendiri mengakibatkan kita menjadi tahan diuji dan mampu merencanakan setiap rancangan dan usaha bagi mengatasi segala permasalahan yang timbul."

"Sikap sedemikianlah yang kita inginkan pada setiap sanubari rakyat melalui kempen Malaysia Boleh, Sabah Boleh yang dijalankan di seluruh negeri," katanya.

Menurutnya, kempen seperti itu bukan sesuatu yang asing kerana di kebanyakan negara Barat sebelum ia diiktiraf sebagai negara maju, turut mengadakan pelbagai usaha untuk menggerakkan sikap yakin kepada kemampuan diri sendiri sebelum mencapai tahap yang dikecapi sekarang.

Kini, menurut beliau, negara itu tidak perlu lagi mengadakan kempen seperti itu kerana seluruh rakyatnya mempunyai motivasi dan yakin terhadap keupayaan diri sendiri dalam melakukan sesuatu perkara.

"Bagaimanapun, kita juga sebenarnya sudah menunjukkan kemampuan yang belum dapat ditandingi negara maju itu iaitu menyatupadukan rakyat pelbagai suku kaum khususnya di Sabah dalam suasana harmoni."

"Usaha untuk mencipta perpaduan di Barat mungkin mudah kerana kebanyakan mereka adalah sebangsa, berbanding rakyat negeri ini," katanya.

(END)